

Utusan

Penyebar Fikiran Rakyat

MALAYSIA

www.utusan.com.my

Sokong keamanan bersama Walk For Peace

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

HAKIKATNYA, dalam menjalani kehidupan di sebuah bumi merdeka seperti Malaysia ketika ini, kita sebenarnya masih terlalu jauh daripada mengecapi nikmat keamanan dalam erti kata yang sebenar.

Justeru, adalah sesuatu yang sangat penting untuk semangat dan rasa cintakan keamanan itu senantiasa disemai dan subur dalam jiwa setiap rakyat Malaysia dan menjadi pegangan ke arah sebuah negara yang bebas daripada anasir kejahatan.

Atas keperluan untuk memupuk kesedaran terhadap pentingnya keamanan itu juga, Pertubuhan Veteran Dunia akan mengajurkan program *Walk For Peace* yang akan disambut secara serentak di seluruh dunia pada 21 September ini, tepat pada pukul 12.00 tengahari.

Dengan keahlian pertubuhan itu sebanyak 170 buah persatuan dari 90 buah negara, sambutan *Walk For Peace* bakal menjadi acara antarabangsa menerusi penyertaan kira-kira 30 juta orang warga veterani dari seluruh dunia.

Apa yang lebih membanggakan, sambutan *Walk For Peace* yang julung kali diadakan itu adalah hasil inisiatif rakyat Malaysia sendiri, iaitu Leftenan Kolonel (B) Datuk Abdul Hamid Ibrahim yang merupakan Presiden Pertubuhan Veteran Dunia. Sambutan *Walk For Peace* akan diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan dianjurkan oleh Pertubuhan Angkatan Tentera Veteran Malaysia (MVATM).



YASOTHA KRISHNA



KHAIRUDDIN ABU BAKAR

Sambutannya juga bakal dimeriahkan dengan penyertaan seramai kira-kira 3,500 orang daripada pelbagai pertubuhan dan persatuan termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat, artis, tokoh-tokoh terkenama, sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan banyak lagi.

Antara yang sudah mengesahkan penyertaan termasuk Kelab Pegawai Rejimen Askar Melayu Diraja, Kelab Bekas Anggota Kor JLD Diraja, Kelab Veteran Komando Malaysia, Kelab Veteran Kor Risik Diraja Malaysia, Persatuan Bekas Guru Angkatan Tentera Malaysia dan banyak lagi.

Menjelaskan lebih lanjut, Pengerusi Jawatankuasa Pengajuran Veteran *Walk For Peace*, Mejar Jeneral (B) Datuk Khai-


ruddin Abu Bakar berkata, program itu merupakan simbolik kepada pernyataan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama, kaum, latar belakang atau usia untuk menyatakan rasa cinta terhadap keamanan.

Program yang dijangka dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak itu membatikan perhimpunan peserta yang mengambil bahagian dengan sambutan beberapa acara.

Antaranya ucapan Naib, ucapan Abdul Hamid dan mesej keamanan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon serta nyanyian lagu keamanan yang dicipta khusus untuk sambutan *Walk For Peace*.

"Harapan kami, mesej keamanan itu tidak hanya dirasai oleh peserta yang mengambil bahagian di dalam dewan pada hari itu sahaja, sebaliknya seluruh rakyat turut bertafakur selama satu minit tepat pada pukul 12.00 tengahari pada hari berkenaan sebagai salah satu usaha dalam diri sendiri untuk mengharapkan keamanan akan kekal dan berterusan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Friends 2 Mankind, Yasotha Krishna berkata, sebagai sebuah pertubuhan yang turut memperjuangkan keamanan dalam setiap ruang ke-



Robinho sensasi baru EPL

SIGAP



Trulli bimbang perlumbaan malam F1 Singapura

- Muka 32

Utusan
MALAYSIA

10 | Rencana

hidupan, sambutan *Walk For Peace* adalah satu usaha yang tidak harus dilepaskan begitu sahaja oleh seluruh rakyat Malaysia.

Berpegang kepada prinsip setiap daripada kita adalah kawan kepada yang lain, program itu juga katanya, merupakan sebuah usaha massa dalam usaha menghidupkan nilai-nilai keamanan baik di negara ini atau di seluruh dunia sepanjang masa.

Walk For Peace juga diharapkan mampu mencetus satui kesedaran yang cukup tinggi di kalangan seluruh rakyat Malaysia terutamanya, untuk menghargai nilai-nilai keamanan yang sedia suburi ketika ini dan berusaha untuk mempertahankan dan menjadikannya lebih baik.

"Keamanan adalah sebuah ruang kehidupan yang memerlukan kerjasama dan penglibatan daripada setiap manusia dan hanya akan tercapai apabila mereka menggap setiap manusia yang lainnya adalah kawan," katanya.

Yasotha menambah, adalah sesuatu yang sangat membanggakan apabila rakyat Malaysia menjadi pencetus kepada program keamanan seperti *Walk For Peace* itu dan peluang tersebut seharusnya digunakan untuk menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat di negara ini masih boleh meneruskan kehidupan dalam kepelbagaian agama, kaum dan amalan hidup penduduknya.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai program *Walk For Peace* atau ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenainya boleh menghubungi MVATM di talian 03-4297 1743 atau Friends 2 Mankind (03-6157 7746) atau melayari laman web www.mvatm.org